



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

2280/1

GEOGRAFI

Kertas 1

Ogos/September

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik dan alat geometri.*

www.myschoolchildren.com


Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Rajah di bawah menunjukkan struktur bumi.



Lapisan mantel dan teras bumi dalam rajah di atas terletak di kawasan yang bertanda

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 2 Rajah di bawah menunjukkan kon gunung berapi.




KON GUNUNG BERAPI

Antara berikut, ciri lava manakah yang membentuk kon gunung berapi di atas?





- | | | | |
|-----|-------------|----|---------------------------|
| I | Cair | II | Mengalir perlahan |
| III | Warna merah | IV | Mengandungi banyak silika |
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 3 Rajah di bawah menunjukkan bentuk muka bumi di dasar lautan.



Apakah bentuk muka bumi dasar lautan yang bertanda X dalam rajah di atas?

- A Cerun benua
 - B Jurang lautan
 - C Pentas benua
 - D Dataran laut dalam
- 4 Gambar rajah manakah yang menunjukkan jenis lipatan simetri?



5. Apakah bentuk muka bumi yang dapat dikaitkan dengan maklumat di bawah?

- Terbentuk akibat pemisahan plat
- Berbentuk V yang sempit dan dalam

- A Arka pulau
- B Jurang lautan
- C Pentas benua
- D Cangkat benua

6. Bentuk muka bumi manakah yang wujud kesan daripada proses pencapahan plat?

- | | |
|--------------------|---------------------|
| I Gunung lipat | II Jurang lautan |
| III Hanyutan benua | IV Lurah gelinciran |
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7. Kesan bayu laut dan arus lautan terhadap kawasan pinggir pantai ialah

- A suhu sederhana
- B hujan lebat
- C pembentukan awan tebal
- D kejadian taufan

8. Antara berikut, alat kaji cuaca manakah yang dihuraikan di bawah?

- Diletakkan di kawasan lapang
- Sebahagian ditanam

- A Termometer
- B Anemometer
- C Tolok hujan
- D Penunjuk arah angin

9 Jadual di bawah menunjukkan suhu bulanan Stesen Y.


Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu °C	27	28	29	29	29	28	28	28	28	28	28	27

SUHU BULANAN STESEN Y

Julat suhu tahunan stesen Y dalam jadual di atas ialah

- A 1 °C
- B 2 °C
- C 27 °C
- D 29 °C

10 Peta di bawah menunjukkan kawasan iklim dunia.



DUNIA

Berdasarkan peta di atas, kawasan yang manakah mempunyai ciri iklim seperti berikut?

- Suhu sekata sepanjang tahun
- Hujan sepanjang tahun


- A I
- B II
- C III
- D IV

11 Pilih kombinasi yang benar.

	Alat	Kegunaan
I	Termometer	Menyukat suhu
II	Anemometer	Mengukur kelajuan angin
III	Tolok hujan	Menyukat bilangan hari hujan
IV	Barometer	Menentukan arah tiupan angin

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Apakah maklumat yang dapat diperolehi daripada rajah di bawah?



- I Jenis angin
 - II Kelajuan angin
 - III Arah tiupan angin
 - IV Bilangan hari tenang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 13 Gambar rajah di bawah menunjukkan tumbuh-tumbuhan semula jadi di pinggir laut.



Apakah kepentingan hutan di atas kepada alam sekitar?

- I Menyerap lebih air hujan
 - II Kawasan tadahan hujan
 - III Zon penampan
 - IV Membekalkan oksigen
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 14 Gambar rajah di bawah menunjukkan kegiatan ekonomi.



Kesan aktiviti dalam gambar rajah di atas ialah


- A fenomena jerebu
- B kejadian banjir kilat
- C peningkatan suhu setempat
- D perubahan arah tiupan angin

- 15 Gambar rajah di bawah menunjukkan rantaian makanan.



Berdasarkan gambar rajah, rumput ialah

- A pengeluar
 - B pengguna primer
 - C pengguna sekunder
 - D pengguna tertier
- 16 Antara yang berikut, yang manakah usaha pemeliharaan hutan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia?
- A Penyelidikan hutan
 - B Penghutan semula
 - C Mewujudkan ladang hutan
 - D Mewartakan taman negara
- 17 Peta di bawah menunjukkan kawasan tumpuan penduduk di Malaysia.



MALAYSIA

Mengapakah kawasan yang bertanda X dan Y dalam peta di atas menjadi tumpuan penduduk?

- A Tanah aluvium
- B Aktiviti pelancongan
- C Industri menapis petroleum
- D Tanah rancangan pertanian

- 18 Apakah ciri kependudukan bagi negara yang mengalami penduduk berlebihan?
- A Taraf hidup rendah
 - B Jangka hayat tinggi
 - C Taraf teknologi tinggi
 - D Kemasukan buruh asing ramai
- 19 Berdasarkan negara Malaysia, apakah faktor tolakan yang menyebabkan berlakunya migrasi keluar negara?
- A Arahan majikan
 - B Melanjutkan pelajaran
 - C Kos hidup yang tinggi
 - D Bencana alam
- 20 Apakah faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran tinggi di sesebuah negara?
- A Wanita berkerjaya
 - B Taraf pendidikan rendah
 - C Berkahwin lewat
 - D Taraf hidup tinggi
- 21 Piramid penduduk berbentuk progresif menggambarkan negara itu mempunyai
- I kumpulan produktif rendah
 - II kumpulan umur remaja rendah
 - III kumpulan warga tua tinggi
 - IV kumpulan tanggungan tinggi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22 Bandar manakah yang wujud kesan daripada aktiviti perlombongan?


- A Ipoh
- B Kuching
- C Sandakan
- D Kuantan

23 Apakah aktiviti yang boleh dikaitkan dengan petempatan berikut?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • KESEDAR • KETENGAH |
|---|

- A Perlombongan
- B Pelancongan
- C Perikanan
- D Pertanian

24 Peta di bawah menunjukkan dua buah bandar di Malaysia.



MALAYSIA

Kawasan yang bertanda X dan Y dalam peta di atas mempunyai persamaan sebagai bandar

- A perlombongan
- B pelancongan
- C perikanan
- D pelabuhan

25 Kombinasi yang manakah benar tentang bandar dan fungsinya?

	Bandar	Fungsi bandar
I	Kuching	Bandar teknologi maklumat
II	Nilai	Bandar perindustrian
III	Kuantan	Bandar pentadbiran
IV	Cyberjaya	Bandar pelancongan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Kombinasi manakah yang benar tentang masalah pembandaran dan langkah mengatasinya?

	Masalah pembandaran	Langkah mengatasi
A	Peningkatan suhu	Mewujudkan kawasan hijau
B	Kesesakan lalu lintas	Menggunakan lampu isyarat
C	Pengangguran	Meningkatkan penggunaan teknologi
D	Masalah setinggan	Membina bandar baharu

27 Apakah kepentingan perhubungan kepada sesebuah negara?


- A Meningkatkan mobiliti penduduk
- B Meluaskan kawasan petempatan
- C Memajukan sektor perdagangan
- D Mengurangkan pencemaran

28 Apakah kesan pembinaan lebuh raya kepada ekonomi Malaysia?

- A Meningkatkan integrasi nasional
- B Mobiliti penduduk meningkat
- C Mewujudkan petempatan baharu
- D Meluaskan pasaran

- 29 Pembinaan terowong dalam pembinaan jalan raya dilakukan untuk
- A mengurangkan kesan terhadap alam sekitar
 - B mengurangkan kos pembinaan
 - C memudahkan kerja pembinaan
 - D mengindahkan alam sekitar
- 30 Apakah kesan perkembangan pengangkutan udara terhadap ekonomi di Malaysia?
- I Memperluaskan pasaran
 - II Memajukan sistem pengangkutan
 - III Meningkatkan darjah ketersampaian
 - IV Menggalakkan kemasukan pelancong
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 31 Apakah kepentingan pengangkutan air kepada kawasan pedalaman?
- A Mengurangkan pencemaran
 - B Mengangkut hasil pertanian
 - C Menjimatkan kos penyelenggaraan
 - D Menggalakkan kegiatan perikanan
- 32 Sumber manakah yang boleh digunakan secara berterusan?
- I Biojisim
 - II Arang batu
 - III Gas asli
 - IV Kuasa hidroelektrik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

33 Peta di bawah menunjukkan sumber mineral X.



SEMENANJUNG MALAYSIA

Apakah kepentingan sumber mineral X terhadap pembangunan negara Malaysia?

- I Perkembangan bandar baharu
 - II Memajukan industri automotif
 - III Memodenkan sektor pertanian
 - IV Menyediakan banyak peluang pekerjaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan pantai dan marin kepada alam sekitar?

- I Menyeimbangkan kelembapan
 - II Pemandangan yang indah
 - III Menyederhanakan suhu sekitar
 - IV Habitat pelbagai jenis hidupan akuatik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35 Kesan penggunaan baja kimia yang berlebihan dalam sektor pertanian ialah

- A pencemaran udara
- B pemanasan setempat
- C hakisan tanah meningkat
- D pencemaran air bawah tanah

36 Apakah langkah pemeliharaan dan pemuliharaan sumber kepelbagaian biologi?

- I Mengharamkan pembalakan
 - II Pendidikan pemeliharaan hutan
 - III Penguatkuasaan pasukan renjer hutan
 - IV Meningkatkan perkembangan industri berasaskan kayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37 Berikut adalah bandar di Malaysia.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Kertih• Bintulu |
|--|

Kedua-dua lokasi di atas dikaitkan dengan industri

- A memproses gas asli
- B menapis petroleum
- C pembuatan tayar
- D automotif

38 Apakah produk industri **bukan** berasaskan sumber?

- A Cat
- B Lampu
- C Makanan beku
- D Barangan kosmetik

39 Kegiatan pelancongan yang dapat dikaitkan dengan maklumat di bawah ialah

- Pusat Dagangan Dunia Putra
- Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia

- A acara bertema
- B ekopelancongan
- C pelancongan MICE
- D pelancongan budaya dan warisan

40 Apakah faktor yang mempengaruhi kegiatan perikanan di Jepun?

- I Pinggir pantai yang panjang dan berteluk
 - II Kawasan tanah tinggi meliputi sebahagian besar negara
 - III Terletak di kawasan Lingkaran Api Pasifik
 - IV Teknologi menangkap ikan yang moden
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

www.myschoolchildren.com